SAMPEL PERCUMA

Trial STPM Sem 1 Pengajian Am Selangor

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [15 Markah]

Jawab **semu*a*** *soalan.*

1 Yang manakah bertepatan dengan konsep negara berdaulat ?
A Mempunyai komuniti tertentu.
B Mempunyai rakyat yang matang
C Mempunyai hubungan dengan negara luar.
D Mempunyai ketua negara yang dilantik rakyat.

2 Amalan sistem pentadbiran kerajaan Malaysia adalah berdasarkan
I perlembagaan negara
II ketertinggian Parlimen
III demokrasi berparlimen
IV doktrin pengasingan kuasa

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

3

- Bendera Jalur Gemilang
- Bersahabat dengan semua negara

Pernyataan di atas melambangkan Malaysia sebuah negara yang
A merdeka
B beridentiti
C berwibawa
D berkuasa sendiri

4 Yang manakah berkaitan Doktrin Duluan Kehakiman?
A. Keputusan hakim Mahkamah Tinggi tidak boleh dicabar
B. Keputusan Mahkamah Rendah harus merujuk Mahkamah Khas
C. Keputusan kehakiman di Mahkamah terdahulu dijadikan panduan
D. Keputusan Mahkamah Persekutuan dijadikan contoh pengendalian kes

5 Yang manakah termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen?
I Mengendalikan kes rayuan
II Membicarakan semua kes jenayah
III Memeriksa rekod kes sivil mahkamah yang lebih rendah
IV Mengeluarkan writ atau saman berkaitan dengan tuntutan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Bahagian B [15 markah]

Jawab **semua** *soalan*

16 Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan tadbir urus baik dalam sektor awam. [4]

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

17 Jelaskan **dua** jenis Rang Undang-Undang yang digubal oleh Parlimen. [4]

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

18 Nyatakan **empat** sumber kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. [4]

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

(iv) .....

19 Hakim mendapati seseorang tertuduh perlu dilepaskan daripada pertuduhannya. Nyatakan **tiga** alasan yang dipertimbangkan oleh beliau. [3]

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

Bahagian C [50 markah]

*Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan **lima** isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

20 Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam perkhidmatan awam mendatangkan pelbagai manfaat. Jelaskan

21 Masalah penyakit mental yang berlaku dalan kalangan masyarakat kita berpunca daripada pelbagai faktor. Oleh itu langkah menanganinya perlu dilakukan dengan segera. Bincangkan

22 Semakin ramai generasi muda yang terpengaruh dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Hal ini boleh mendatangkan impak yang akan merugikan negara dan bangsa. Jelaskan.

PENGAJIAN AM 900/1
SKEMA JAWAPAN PENGAJIAN AM
SEMESTER 1

BAHAGIAN A [15 Markah]

1	C	6	A	11	C
2	D	7	B	12	D
3	B	8	C	13	D
4	C	9	C	14	D
5	D	10	D	15	B

BAHAGIAN B [15 MARKAH]

16 Jelaskan dua cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan tadbir urus baik dalam sektor awam. [4]

Bil	Idea	Huraian
1	sumber manusia/sumber tenaga kerja tidak cekap/ tidak berdaya saing	Pegawai kurang mengikuti latihan
2	karenah birokrasi organisasi	Terikat dengan proses pentadbiran
3	maklumat lama/ tidak diubah	Maklumat berkaitan organisasi tidak dikemaskini
4	modal yang terbatas	Kekurangan dana menyebabkan peralatan pejabat didak dapat disediakan secukupnya
5	karenah stakeholders yang pelbagai	Pelanggan tidak bersifat terbuka menerima khidmat nasihat
6	bersaing dengan fenomena globalisasi	Tidak peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku di peringkat antara bangsa

Mana-mana dua idea

17 Jelaskan **dua** jenis Rang Undang-Undang yang digubal oleh Parlimen. [4]

Bil	Idea	Huraian
1	Rang Undang-undang awam/ kerajaan	Dibentang oleh menteri kementerian dari kementerian tertentu berkaitan pembangunan dan dasar awam, kemajuan, kebaikan dan kesejahteraan rakyat.
2	Rang Undang-undang Persendirian	Berdasarkan pertubuhan,badan , persatuan, organisasi tertentu yang berkaitan masyarakat tertentu sahaja
3	Rang Undang-Undng Ahli Persendirian	Dibentang oleh ahli Dewan Rakyat dan pihak bukan kerajaan yang meliputi kepentingan pihak tertentu
4	Rang Undang-Undang-undng Hibrid	Undang-undang yang dikemukakan oleh ahli Dewan Rakyat atau bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan awam mengikut pandangan Yang Dipertua Dewan Rakyat

Mana-mana tiga idea

18 Nyatakan **empat** sumber kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. [4]

Bil	Idea
1	Peruntukan tahunan kewangan dari kerajaan pusat dan kerajaan negeri
2	Geran Pelancaran
3	Cukai Pintu
4	Bayaran perkhidmatan
5	Kompaun

Mana-mana empat idea

19 Hakim mendapati seseorang tertuduh perlu dilepaskan daripada pertuduhannya. Nyatakan tiga alasan yang dipertimbangkan oleh beliau. [3]

Bil	Idea
1	Wujud keraguan yang munasabah
2	Tiada prima facie kes
3	Tertuduh berjaya mengemukakan / membuktikan alibi
4	Pertuduhan tidak benar dari pelbagai aspek
5	Kesalahan teknikal dalam pertuduhan/pendakwaan
6	Tuntutan habeas corpus
7	Pihak pendakwa menarik balik tuduhan

Mana-mana tiga idea

20 Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam perkhidmatan awam mendatangkan pelbagai manfaat. Jelaskan

Skema jawapan

Pendahuluan:
Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semakin berleluasa sejajar dengan perkembangan globalisasi kini. Kerajaan juga mentransformasikan perkhidmatan awam dengan meluaskan pengunaan ICT.

Bil	Idea/isi	Huraian
1	**Manfaat teknologi maklumat** Memudahkan urusan	• Urusan kerja dilakukan dengan cepat • Maklumat boleh didapati dengan pantas • Mudah interaksi
2	Meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran negara	• Arahan pentadbiran dpt diberikan secara langsung • Prosedur kerja yang jelas • Kurang karenah birokrasi
3	Meningkatkan perubahan sikap positif	• Kakitangan awam berminat dlm bidang ICT • Berusaha untuk mencari maklumat • Meningkatkan pengetahuan dalam bidang ICT
4	Mempengaruhi sistem pengurusan dan perhubungan	• Keputusan dibuat dengan cepat • Mengurangkan pertindihan kerja • Bidang tugas menjadi lebih jelas
5	Pengurusan maklumat lebih efektif	• Meneroka isu atau masalah • Merancang strategi mendapatkan maklumat • Mengumpul dan mengurus maklumat secara kendiri
6	Meningkatan kepuasan pelanggan	• Memenuhi kehendak pelanggan • Meningkatkan ekpektasi • Aduan pelanggan berkurangan
7	Meningkatkan produktiviti individu	• Kerja menjadi lancar • Berlaku penambahbaikan dalam tugas/ meningkatkan kecekapan • Perlaksanaan tugas menjadi lebih berkesan
8	Meningkatkan ketelusan	• Penggunaan teknologi maklumat dapat meningkatkan keyakinan orang awam terhadap proses pengambilan keputusan dan tindakan pegawai awam. • Pengawai awam dapat berkongsi maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan pihak berkepentingan supaya tindakan yang diambil lebih cekap dan berkesan
9	Meningkatkan imej sektor awam	• Mendapat pengiktirafan agensi dan rakyat • Mendapat sokongan • Persepsi terhadap perkhidmatan meningkat

Penutup :
Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi perlu diperluas dalam perkhidmatan awam supaya tadbir urus negara semakin baik.

Skema 5+0 (mana-mana)

21 Masalah penyakit mental yang berlaku dalan kalangan masyarakat kita berpunca daripada pelbagai faktor. Oleh itu langkah menanganinya perlu dilakukan dengan segera. Bincangkan

Skema jawapan

Pendahuluan :
Melalui rawatan rehabilitasi , penderita skizofrenia, psikosis, kemurungan dan fobia dapat mengembalikan kemahiran hidup yang hilang. Namun begitu, kaedah yang sesuai perlu dilakukan dengan betul agar rawatan menjadi lebih berkesan.

Bil	Idea/isi	Huraian
	Faktor	
1	Genetik	• ahli keluarga terdahulu pernah mengalami penyakit serupa • pengambilan ubatan yang bersesuaian atas nasihat doktor
2	Gangguan misteri	• Gangguan misteri menyebabkan kemurungan • Boleh bertindak di luar batas manusia normal
3	Tekanan hidup	• Tekanan dalam kehidupan yang tidak terkawal menyebabkan wujud tekanan perasaan • Wujud rasa rendah diri
4	Sejarah hidup/ Trauma	• Kebimbangan kerana pernah kehilangan sesuatu yang amat bermakna dalam hidup • Sering rasa takut/ bimbang
5	Kurang Kemahiran pengurusan	• Suka menyendiri • Tidak meluahkan tekanan kepada pihak lain untuk mendengar masalah
	Rawatan	
6	Rawatan Klinikal	• Mendapatkan rawatan pakar daripada doktor / psikatris • Mendapatkan ubat-ubatan yang sesuai untuk menenangkan/merawat
7	Bersosial	• Berkomunikasi dengan rakan /individu di sekeliling • Rakan boleh mencadangkan jalan keluar daripada masalah • Mampu mengeluarkan beban/tekanan yang dihadapi
8	Kaunseling	• Bertemu kaunselor yang mahir tentang gejala tinglaku manusia • Kaunselor mempunyai etika menyimpan kerahsiaan pesakit • Pesakit rasa lebih percaya terhadap kaunselor
9	Rawatan alternatif	• boleh dibuat melalui rawatan Islam, rawatan secara spiritual, rawatan tradisional bertujuan untuk memberi ketenangan kepada seseorang pesakit • pesakit dipujuk untuk melakukan sesuatu perkara yang sihat dan disukai seperti bersenam/brsukan atau melukis

Penutup:
Masalah berkaitan mental akan ditangani andai kaedah yang betul dan tepat diberikan kepada penderitanya agar mereka dapat menjalani kehidupan yang normal.

Skema 2+3/3+2 (mana-mana)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar